

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF [JEMPOL]

SOALAN NO. 285

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendirian tegas berhubung isu-isu berbangkit mengenai keputusan yang dikeluarkan oleh pihak Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) tentang bayaran semula pinjaman.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Berkenaan dasar baharu PTPTN, proses konsultasi rakyat telah dilaksanakan melalui penerbitan Kertas Konsultasi Rakyat (KKR) mulai 16 Mei sehingga 13 Jun 2019 bagi mendapatkan cadangan serta pandangan rakyat.

Dapatan daripada KKR akan diperhalusi oleh satu Panel Penasihat Khas bagi mengenalpasti cadangan terbaik yang akan digunapakai sebagai mekanisme pembayaran balik PTPTN, seterusnya akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk kelulusan.